

# MELANGKAH KEHADAPAN DALAM ERA BARU



**BUDGET**  
2023



# KATA PENGANTAR

Rakyat Singapura yang dihormati,

Kita telah melangkah jauh sepanjang tiga tahun yang lalu memerangi pandemik Covid-19.

Ia merupakan satu perjalanan yang mencabar, dengan banyak pasang surut. Melalui usaha kita bersama, dan kepercayaan yang kita miliki antara satu sama lain, kita telah mencapai satu kejayaan baru.

Kita kini perlu melakar jalan ke hadapan dalam era pascapandemik baru. Dalam usaha ini, rakyat Singapura berada di tengah-tengah segala yang kami lakukan.

Belanjawan 2023 menetapkan langkah penting untuk menjamin masa depan yang lebih cerah.

Kami akan membantu anda untuk berkembang maju, dengan memastikan ekonomi kita berdaya saing dan inovatif, melengkapkan pekerja kita, dan menyediakan lebih banyak peluang untuk semua orang mencapai potensi mereka.


Kami akan mengukuhkan kontrak sosial kami dan menyediakan lebih banyak jaminan untuk keluarga, serta warga emas kita dan mereka yang mudah terjejas dalam masyarakat kita.

Kita akan membina daya tahan kolektif kita supaya kita terus menyokong satu sama lain, dan bangkit dengan lebih gigih daripada gangguan dan kejutan luaran.

Sebagai sebuah negara kecil dalam persekitaran global yang tidak menentu, jalan ke hadapan tidak akan mudah. Tetapi kita melalui perjalanan ini bersama-sama, dan kita boleh memperoleh keyakinan dan kekuatan daripada cara kita mengatasi cabaran masa lalu.

Dengan bekerjasama, kita boleh menjamin hari esok yang lebih baik - untuk kita, dan untuk generasi kita yang akan datang.

**Lawrence Wong**  
Timbalan Perdana Menteri  
dan Menteri Kewangan





# MELANGKAH KEHADAPAN DALAM ERA BARU

## LANGKAH-LANGKAH MENYOKONG RAKYAT SINGAPURA

7 - 9

## MENGEMBANGKAN EKONOMI KITA DAN MEMPERSIAPKAN PARA PEKERJA KITA

Membantu Perniagaan

11 - 12

Menyokong Pekerja

13

## MENGUKUHKAN KONTRAK SOSIAL KITA

Membina Singapura yang Mesra Keluarga

15 - 16

Menyokong Keluarga Berpendapatan Rendah

16

Memberikan Jaminan Dalam Usia Senja Kita

17

## MEMBINA NEGARA YANG BERDAYA TAHAN

Membina Keupayaan Organisasi

19

Memastikan Daya Tahan Ekonomi dan Infrastruktur

19

Melindungi Daya Tahan Iklim Kita

20

Daya Tahan Kita Sebagai Satu Masyarakat

20

## SISTEM CUKAI YANG BERDAYA SAING, BERDAYA TAHAN DAN ADIL

22 - 23


# LANGKAH-LANGKAH MENYOKONG RAKYAT SINGAPURA

## Jaminan Pada Tahun 2023

Pemerintah sedang membantu rakyat Singapura untuk menangani peningkatan perbelanjaan seharian yang disebabkan oleh inflasi tinggi dan kenaikan GST.


Rakyat Singapura boleh mendapat manfaat daripada langkah-langkah berikut pada tahun 2023:

### Bagi Individu



- Wang tunai
  - Berusia 21 hingga 54 **Sehingga \$1,700**
  - Berusia 55 dan ke atas **Sehingga \$2,300**
- Tokokan MediSave
  - Berusia 20 dan ke bawah **\$150**
  - Berusia 55 dan ke atas **\$150 - \$600**
- Tokokan Akaun Pembangunan Anak **\$400**
- Tokokan Akaun Edusave & Akaun Pendidikan Posmenengah **\$300**

### Bagi Keluarga



- Baucar CDC **\$300**
- Rebat U-Save **\$440 - \$760**
- Rebat S&CC **1.5 - 3.5 bulan**



# Jaminan Pada Tahun 2023

Pemerintah sedang membantu rakyat Singapura untuk menangani peningkatan perbelanjaan seharian yang disebabkan oleh inflasi tinggi dan kenaikan GST.

Sokongan diberikan sepanjang tahun:



Bulan	Sokongan	Nilai / Durasi
Jan	Baucar CDC [Pakej Jaminan (AP)* & Pakej Kos Sara Hidup pada Okt 2022]	\$300
	Rebat U-Save [Skim Baucar GST (GSTV)# & AP]	\$110 - \$190
	Rebat S&CC [GSTV]	Sehingga 0.5 bulan
Feb	Bonus Tunai Warga Emas [AP]	\$200 - \$300
	Tokokan MediSave [AP]	\$150
Apr	Rebat U-Save [GSTV & AP]	\$110 - \$190
	Rebat S&CC [GSTV]	0.5 - 1 bulan
Mei	Akaun Edusave & Pendidikan Posmenengah Tokokan Akaun Pendidikan [AP]	\$300
Jun	Wang tunai [AP]	Sehingga \$400
	Bonus Tunai Warga Emas [AP]	\$200 - \$300

Bulan	Sokongan	Nilai / Durasi
Julai	Rebat U-Save [GSTV & AP]	\$110 - \$190
	Rebat S&CC [GSTV]	0.5 - 1 bulan
Ogos	Wang tunai [GSTV]	\$350/\$700
	Tokokan MediSave [GSTV]	\$150 - \$450
Sep	Tokokan Akaun Pembangunan Anak [AP]	\$400
Okt	Rebat U-Save [GSTV & AP]	\$110 - \$190
	Rebat S&CC [GSTV]	0.5 - 1 bulan
Dis	Wang tunai [AP]	\$200 - \$600

\*AP mengurangkan kesan kenaikan GST untuk semua rakyat Singapura. Ia telah dipertingkatkan daripada \$6.6 bilion kepada \$9.6 bilion pada 2023 untuk mengambil-kira inflasi yang lebih tinggi, dan untuk menyediakan sokongan tambahan sekali sahaja kepada rakyat Singapura untuk menangani keprihatinan kos sara hidup serta-merta.

#GSTV: Skim GSTV yang tetap menyediakan bantuan berterusan untuk membiayai perbelanjaan GST bagi keluarga Singapura berpendapatan rendah hingga sederhana melebihi sokongan peralihan yang disediakan oleh AP.



Ketahui bantuan apa yang anda mungkin layak terima



# MENGEMBANGKAN EKONOMI KITA DAN MEMPERSIAPKAN PARA PEKERJA KITA

## Membantu Perniagaan

### Membangunkan Perusahaan Tempatan

- Memperuntukkan \$1 bilion bagi menyediakan sokongan yang disesuaikan mengikut keperluan syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi di bawah inisiatif **Perusahaan Global Singapura**
- Tambahan \$150 juta melalui **Dana Pelaburan Bersama SME** untuk melabur dalam Syarikat-syarikat Kecil dan Sederhana (SME) yang berpotensi



### Membina Keupayaan dan Menarik Pelaburan Bermutu

- Tokokan \$4 bilion pada **Dana Produktiviti Nasional** dan meluaskan skop untuk menyokong promosi pelaburan.




### Memupuk dan Meneruskan Inovasi

- Memperkenalkan **Skim Inovasi Perusahaan** untuk membantu aktiviti inovasi perniagaan-perniagaan melalui potongan cukai/elaun yang dipertingkatkan, dengan pilihan penukaran wang tunai



## Menangani Tekanan-tekanan Kos

- Melanjutkan tempoh **Skim Pembiayaan Perusahaan** yang dipertingkatkan sehingga 31 Mac 2024 untuk mempermudah akses kepada kredit
  - 70% perkongsian risiko Pemerintah bagi pinjaman perdagangan
  - Peningkatan kuantum maksimum bagi pinjaman modal perdagangan dan pekerjaan
  - Sokongan bagi projek pembinaan domestik melalui pinjaman projek
- Melanjutkan tempoh **Geran Kecekapan Tenaga** sehingga 31 Mac 2024 bagi SME dalam sector-sektor Perkhidmatan Makanan, Pengeluaran Makanan dan Runcit untuk menggunakan peralatan yang cekap tenaga, memandangkan harga elektrik yang lebih tinggi



## Menyokong Pekerja

### Menyepadukan Latihan dan Penempatan Pekerjaan

- Merintis **Penyepadu Pekerjaan dan Kemahiran** dalam sector-sektor Kejuruteraan Jitu, Runcit dan Perdagangan Borong untuk menghubungkan para pemain utama untuk membangunkan latihan industri yang relevan dan memudahkan pepadanan pekerjaan



### Meningkatkan Sokongan Pekerja

- Tokokan \$2.4 bilion ke dalam **Skim Kredit Gaji Progresif** untuk pekerja bergaji rendah, dan mengekalkan bahagian pendanaan bersama Pemerintah yang lebih tinggi bagi kenaikan gaji yang layak pada 2023:
  - Gaji sehingga \$2,500: meningkat daripada 50% kepada 75%
  - Gaji melebihi \$2,500 dan sehingga \$3,000: meningkat daripada 30% kepada 45%
- Melanjutkan **Kredit Pekerjaan Warga Emas** dan **Geran Pengambilan Bekerja Semula secara Sambilan** untuk para pekerja lanjut usia sehingga 2025 untuk terus menyediakan imbalan gaji dan menggalakkan majikan untuk menawarkan aturan kerja fleksibel dan perancangan kerjaya berstruktur



- Mempertingkatkan **Kredit Menyokong Pengambilan Pekerja Kurang Upaya** untuk menggalakkan pengambilan kerja orang kurang upaya
- Memperkenalkan **Kredit Peningkatan Pekerjaan** untuk menggalakkan pengambilan kerja bekas pesalah



# MENGUKUHKAN KONTRAK SOSIAL KITA


## Membina Singapura yang Mesra Keluarga

- Melanjutkan **Geran Bantuan Bayi** sebanyak \$3,000 kepada semua anak warga Singapura yang layak yang dilahirkan daripada 1 Oktober 2023 sehingga 13 Februari 2024
- Bagi semua anak warga Singapura yang layak:

Dilahirkan pada	14 Feb 2023 - 31 Dis 2023	Daripada 1 Jan 2024
<b>Sokongan Tunai</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaikkan jumlah <b>Hadiah Tunai Bonus Bayi</b> sebanyak \$3,000</li> <li>• Menaikkan jumlah sumbangan Pemerintah kepada <b>Akaun Pembangunan Anak (CDA)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menaikkan jumlah Geran Langkah Pertama CDA sebanyak \$2,000</li> <li>- Menaikkan jumlah Had Pamadanan Bersama CDA daripada Pemerintah sebanyak \$1,000 untuk anak pertama dan kedua</li> </ul> </li> </ul>	
<b>Cuti Paterniti Yang Dibayar Pemerintah</b>	2 minggu	4 minggu (↑ ditambah 2 minggu secara sukarela)
<b>Pelepasan Cukai untuk Ibu Yang Bekerja (WMCR)<sup>^</sup></b>		
<b>Anak pertama</b>	15% daripada pendapatan pencarian ibu	\$8,000
<b>Anak kedua</b>	20% daripada pendapatan pencarian ibu	\$10,000
<b>Anak ketiga</b>	25% daripada pendapatan pencarian ibu	\$12,000


<sup>^</sup>Tiada perubahan untuk tuntutan WMCR bagi kanak-kanak warga Singapura yang layak yang dilahirkan atau menjadi anak angkat sebelum 1 Jan 2024

- Untuk semua kanak-kanak warga Singapura berumur di bawah 2 tahun dari 1 Jan 2024 dan seterusnya: Peningkatan **Cuti Penjagaan Bayi Tanpa Gaji** dari 6 hingga 12 hari setahun untuk setiap ibu bapa






- Berikan lebih banyak bantuan kepada kumpulan golongan tertentu keluarga Pemohon Kali Pertama untuk mendapatkan flat Bina Ikut Tempahan (BTO)
- Menaikkan **Geran Perumahan CPF** sebanyak \$30,000
  - Hingga \$190,000 secara keseluruhan untuk keluarga Pemohon Kali Pertama yang layak membeli flat jualan semula HDB
- **Pelepasan Cukai Levi Pekerja Rumah Asing** dari Tahun Penilaian 2025, memandangkan konsesi levi pekerja domestik migran yang memberi manfaat kepada semua keluarga yang memerlukan bantuan untuk menjaga tanggungan mereka



## Menyokong Keluarga Berpendapatan Rendah

- Memperluas program **KidSTART** untuk menyokong pembangunan yang positif bagi kanak-kanak
- Memanfaatkan **ComLink** untuk menyepadukan pelaksanaan perkhidmatan sosial
- Tokokan \$300 juta ke **Dana Endowmen ComCare** untuk menyediakan bantuan sosial yang perlu kepada keluarga berpendapatan rendah



## Memberikan Jaminan Dalam Usia Senja Kita

### Menyokong Penjagaan Jangka Panjang dan Keperluan Penjagaan Kesihatan

- Tokokan sebanyak \$500 juta ke dalam **Dana Penjagaan Warga Emas** bagi menyokong subsidi berdasarkan ujian kemampuan untuk warga emas yang memerlukan penjagaan di rumah, pusat, atau institusi penjagaan
- Tokokan sebanyak \$1.5 bilion ke dalam **MediFund** untuk memperkukuh jaringan keselamatan bagi individu berpendapatan rendah dan warga emas yang menghadapi masalah kewangan perubatan



### Memperkukuhkan Kecukupan Persaraan

- Menyediakan **Bantuan Peralihan CPF** kepada para Pekerja Platform berpendapatan rendah dalam empat tahun pertama pelaksanaan, untuk mengurangkan kesan daripada peningkatan sumbangan CPF mereka
- Menaikkan **kadar sumbangan CPF** untuk pekerja lanjut usia pada 2024 dan menyediakan **Imbangan Peralihan CPF** untuk para majikan
- Menaikkan **bayaran bulanan minimum CPF** bagi warga emas yang menyertai Skim Jumlah Persaraan kepada \$350
- Menaikkan had pendapatan **bulanan CPF** daripada \$6,000 kepada \$8,000 menjelang 2026





# MEMBINA SEBUAH NEGARA YANG BERDAYA TAHAN

## Membina Keupayaan Organisasi

- Bina **keupayaan organisasi dalam perkhidmatan awam** dengan mengadakan sistem yang lebih komprehensif untuk melatih kakitangan awam, menggerakkan dan memberikan rentas-tugas untuk melaksanakan pelbagai peranan krisis berdasarkan kemahiran dan kepakaran mereka
- **Memanfaatkan keupayaan sektor swasta dan awam** dalam menangani krisis



## Memastikan Daya Tahan Ekonomi dan Infrastruktur

- Bina daya tahan dalam ekonomi dan rantai bekalan kita melalui **kepelbagaian sumber import, menyimpan stok bagi makanan dan barangan keperluan, dan pengeluaran tempatan**
- Semak semula **strategi penyimpanan stok dan memperbaiki kepelbagaian bekalan kritikal**
- Reka bentuk **bangunan untuk memenuhi fungsi dalam kedua-dua masa aman dan krisis, jika boleh**





## Melindungi Daya Tahan Iklim Kita

- Mempercepatkan **peralihan karbon rendah** untuk ekonomi dan masyarakat kita, untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050
- Ambil langkah untuk menyesuaikan diri dengan pemanasan global dan peningkatan paras laut

## Daya Tahan Kita Sebagai Satu Masyarakat

- Melanjutkan tempoh potongan cukai sebanyak **250% bagi sumbangan derma kepada Institusi-Institusi Bertaraf Awam (IPC) dan institusi-institusi yang layak** sehingga akhir 2026 untuk menggalakkan sikap memberi



- Mempertingkatkan **Skim Sukarelawan Korporat** untuk meningkatkan kerjasama antara syarikat-syarikat dan IPC
  - Melanjutkan tempoh skim hingga akhir 2026 dan memperluas aktiviti-aktiviti yang layak
  - Jumlah tuntutan digandakan bagi setiap IPC hingga had \$100,000/setahun

- Menyemak tanda aras gaji dan menaikkan taraf garis panduan gaji untuk sektor perkhidmatan sosial bagi menarik dan mengekalkan bakat dengan lebih baik

- Tokokan **Dana Amanah Masyarakat untuk Warga Emas** sebanyak \$1 bilion untuk membantu Agensi-agensi perkhidmatan sosial yang menyediakan perkhidmatan penjagaan masyarakat kepada warga emas melalui padanan derma dolar-untuk-dolar



- Menyediakan tokokan sebanyak \$10 juta untuk membantu Badan-badan Bantu Diri dalam tempoh tiga tahun akan datang

# SISTEM CUKAI YANG BERDAYA SAING, BERDAYA TAHAN DAN ADIL





## Cukai Pendapatan Korporat

- **Inisiatif Hakisan Dasar dan Anjakan Keuntungan (BEPS 2.0)**
  - Melaksanakan peraturan-peraturan **Anti Hakisan Asas Global (GloBE) di bawah Tunggak 2 BEPS dan Cukai Tokokan Domestik (DTT)** bagi kumpulan Perusahaan Berbilang Negara (MNE) yang besar daripada tahun kewangan perniagaan mulai atau selepas 1 Jan 2025
  - Akan pantau perkembangan antarabangsa dan buat penyesuaian mengikut keperluan sekiranya ada kelewatan
  - Mengemas kini skim-skim pembangunan industri bagi memastikan Singapura kekal berdaya saing dalam menarik dan mengekalkan pelaburan



## Cukai Kenderaan

- Kadar **Yuran Pendaftaran Tambahan** kecil lebih tinggi bagi kereta nilai tinggi dan mewah
  - Bahagian daripada Nilai Pasaran Terbuka melebihi \$40,000 dan sehingga \$60,000 akan dikenakan cukai sebanyak 190%; melebihi \$60,000 dan sehingga \$80,000 dikenakan cukai sebanyak 250%; dan melebihi \$80,000 dikenakan cukai sebanyak 320%
- Mengehendkan **Rebat ARF Pilihan** pada \$60,000



## Cukai Setem Pembeli dan Cukai Pemindahhakkan Tambahan Bagi Pembeli

- Menaikkan **kadar Cukai Setem Pembeli** untuk hartanah bernilai lebih tinggi, berkuat kuasa dari 15 Feb 2023:
  - Untuk **hartanah kediaman**, bahagian daripada nilai hartanah:
    - Melebihi \$1.5 juta dan sehingga \$3 juta akan dikenakan cukai sebanyak 5% (naik daripada 4%)
    - Melebihi daripada \$3 juta akan dikenakan cukai sebanyak 6% (naik daripada 4%)
  - Bagi **hartanah bukan kediaman**, bahagian daripada nilai hartanah:
    - Melebihi \$1 juta dan sehingga \$1.5 juta akan dikenakan cukai sebanyak 4% (naik daripada 3%)
    - Melebihi daripada \$1.5 juta akan dikenakan cukai sebanyak 5% (naik daripada 3%)
- Kadar BSD pada atau sebelum 14 Feb 2023 akan dikenakan bagi kes-kes peralihan yang layak
- **Cukai Pemindahhakkan Tambahan Bagi Pembeli**, yang dikenakan ke atas pemerolehan faedah ekuiti yang layak dalam entiti-entiti pemegang hartanah, akan diselaraskan dengan sewajarnya

## Cukai Eksais Tembakau

- Menaikkan **cukai eksais ke atas produk tembakau** sebanyak 15%





Baca dengan lebih lanjut di  
[www.singaporebudget.gov.sg](http://www.singaporebudget.gov.sg)



Berdasarkan maklumat pada 14 Februari 2023